

AUKU melesukan

gerakan mahasiswa

BH 22/7/08

M/S 14

AKHIRNYA Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) akan dipinda. Khamis lalu Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohd Khaled Nordin membentangkan cadangan meminda akta ini di Dewan Rakyat bagi bacaan kali pertama dan bakal dibahaskan bulan depan.

Ini bermakna perjuangan meminda akta ini yang digerakkan, misalnya, oleh Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), iaitu organisasi paling konsisten dalam hal ini, hampir berhasil. Saya sendiri turut terbahit dalam perjuangan meminda akta ini ketika menjadi aktivis mahasiswa di Universiti Malaya pada 1981. Saya juga pernah menjadi mangsanya pada 1984. Saya berasa lega kerana ketika berada dalam pentadbiran kerajaan Barisan Nasional sekarang, kerajaan bersetuju memindanya.

Kali terakhir saya mencadangkan pindaan akta ini ialah dalam kolom saya "Perspektif" di akhbar ini iaitu ketika mengulas perjalanan pilihan raya kampus institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sesi 2007/2008 pada Oktober tahun lalu. Saya telah menyoal kewujudan pengundi hantu dan tempoh penamaan calon terpaksa dilanjutkan di dua IPTA.

Istu itu menambah rungutan terhadap pilihan raya kampus seperti pengaruh parti dan ahli politik tertentu, Hal Ehwal Pelajar (HEP) berat sebelah serta peraturan dan pendakatan yang membudaksekolahkan mahasiswa. Pokoknya, AUKU tidak menjadikan pilihan raya kampus lebih baik.

AUKU tidak meningkatkan partisipasi politik kampus. Dalam pilihan raya kampus itu, peraturan membuang undi merosot di tujuh IPTA, manakala langkah IPTA tertentu menyediakan hadiah cabutan bertuah kepada mahasiswa yang keluar mengundi adalah satu penghinaan terhadap keilmuan di samping mengembangkan politik wang.

AUKU juga tidak menjana kepeimpinan. Dalam pilihan raya kampus itu, lebih seratus kerusi dimenangi tanpa bertanding dan tiga IPTA tidak perlu mengadakan pengundian kerana semua kerusi menang tanpa bertanding.

Sebelum cadangan pindaan ini, ada tiga pendirian mengenai AUKU. Pertama; AUKU baik bagi mahasiswa. Kedua; AUKU perlu dihapuskan dan diganti akta baru. Pendirian ketiga pula ialah peruntukan tertentu AUKU perlu dipinda. Saya berpegang kepada pendirian ketiga.

Mereka yang berpegang pada pendirian pertama menganggap AUKU tidak menyekat gerakan

“*Kali terakhir saya mencadangkan pindaan akta ini ialah dalam kolom saya 'Perspektif' di akhbar ini iaitu ketika mengulas perjalanan pilihan raya kampus institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sesi 2007/2008 pada Oktober tahun lalu***”**

mahasiswa. Mereka menggunakan data banyaknya program yang dilaksanakan mahasiswa sebagai bukti. Kelemahan hujah ini ialah bahawa banyaknya jumlah program tidak semestinya menggambarkan gerakan mahasiswa sebenar.

Ini kerana program terdiri dari tiga jenis, iaitu "aktiviti", "bakti" dan "advokasi". "Advokasi" adalah ciri utama gerakan mahasiswa, dan yang membezakannya dengan pelajar sekolah, tetapi ia dihalang AUKU. Justeru, banyaknya program jenis "aktiviti" dan "bakti", tetapi tiada atau sedikitnya jenis "advokasi" tidak melambangkan gerakan mahasiswa yang sihat dan segar.

Ada pula yang menyatakan AUKU perlu untuk mengawal mahasiswa daripada menentang kerajaan. Persoalannya, mengapakah tidak ditanya mengapakah mereka menentang kerajaan? Di samping itu, bukankah pendirian politik seseorang mahasiswa tidak semestinya kekal dan mungkin berubah selepas meninggalkan kampus? Jadi, apa masalahnya?

Di samping itu, perlu dibezakan antara memegang jawatan parti politik, yang ada kewajarnya untuk dilarang, dengan menjadi anggota parti politik, yang larangannya bertentangan dengan semangat Perlembagaan negara dan pilihan raya umum. Perlembagaan menjamin hak berorganisasi, termasuk menganggotai parti. Dalam pilihan raya umum, mahasiswa digalakkan mengundi. Mengundi parti politik boleh, tetapi menjadi anggota parti politik tak boleh. Bukankah ini peraturan yang pelik?

Hakikatnya ialah AUKU melesukan gerakan mahasiswa. Pada pertengahan 1970-an, ramai

aktivis mahasiswa ditahan, menyebabkan sebahagian gerakan mahasiswa lumpuh seketika. Persatuan Kebangsaan Pelajar Malaysia (PKPM) terkubur. PKPIM dan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) tinggal anggota bukan mahasiswa manakala Majlis Belia Malaysia (MBM) terputus jambatannya dengan kampus.

Banyak tulisan, misalnya oleh Baharudin Ali Masrom dan Zainah Anwar, membincangkan kesan buruk AUKU, seperti meluasnya "budaya takut" dan sikap "tidak apa" di kampus, manakala Idris Ahmad dan Ahmad Fadzil Yusof menyorot ketidakadilan layanan terhadap kehadiran parti politik di kampus dan tindakan keterlaluan terhadap beberapa mahasiswa yang kononnya didapati bersalah.

Dalam hal ini, antara peruntukan AUKU yang perlu dipinda ialah Seksyen 15(1), 15(2), 15(3), 15(4), 15(5), 15A, 15B, 15C, 15D(1), 15D(2), 16, 16B(1), 16B(2), 16B(3) dan 16C(1). Ini kerana ia mengongkong mahasiswa, misalnya, disekat berhimpun, mengguna pembesar suara, bendera, sepanduk, pelekat dan poster; menjalankan aktiviti di luar kampus, berniaga atau bekerja; menjadi ahli atau menyokong mana-mana persatuan, parti politik dan kesatuan sekerja; serta memungut wang dan membuat kenyataan media.

Adakah dengan pindaan ini maka dengan tiba-tiba saja kampus akan kembali ke zaman kegemilangan gerakan mahasiswa, seperti sebelum zaman AUKU? Tiada siapa yang tahu jawapannya kerana setelah sekian lama kelesuan, maka, untuk menyengarkan semula, walaupun tidak semestinya sampai menjadi "mahasiswa menggugat", iaitu slogan yang menjadi judul buku Muhamad Abu Bakar (1973), bukanlah mudah.

Namun, AUKU bukan sekadar membabitkan mahasiswa, malah pensyarah juga. AUKU juga bukan sekadar hal ehwal politik kampus saja, sebaliknya, ia adalah antara dasar utama tentang menjadikan universiti sebagai gedung ilmu dalam erti kata yang sebenar.

Universiti mesti mengelak, seperti kata Noam Chomsky dalam bukunya Chomsky on MisEducation (2000), daripada tersilap-didik (miseducate) mahasiswa sehingga demokrasi diberi makna songsang, iaitu keputusan dibuat oleh pihak atasan dan mahasiswa hanya mengangguk saja kerana universiti memaksa ketaatan, menghalang pemikiran bebas dan terlalu mengawal.